

Oleh Rosman  
Shamsudin  
am@hmetro.com.my

Hulu Bernam

Hm 1/8/2022 11:5:22

“**I**ka adalah ikan baung paling besar pernah saya tangkap sejak menjadi nelayan darat 30 tahun lalu,” kata pengawal keselamatan, Roslan Yatim Mustapa, 58.

Terdahulu tular di media sosial gelagat seorang wanita yang juga isteri Roslan, Noraini Adnan, 55, menunggang motosikal sambil membawa seekor ikan baung merah.

Ketika itu, Noraini Adnan dalam perjalanan menjual ikan berkenaan kepada peraih ikan di Kampung Kuala Slim, Perak.

Roslan berkata, video berkenaan dirakam penduduk yang terserempak dengan isterinya yang dalam perjalanan ke tempat peraih ikan.

Katanya, ikan baung merah yang turut digelar penduduk setempat sebagai ‘serigala merah’ itu mengena tajur yang dipasangnya di Sungai Bernam, baru-baru ini.

“Saya menggunakan umpan ikan keli dan tidak menyangka mampu menaikkan baung merah seberat 27 kilogram (kg).

“Ikan itu dijual dengan harga RM400 dan wang berkenaan boleh dijadikan pendapatan tambahan bagi kami sekeluarga,” katanya ketika ditemui dekat sini.

Katanya, dia memasang 30 tajur di sungai terbatit dengan menggunakan umpan ikan keli antara 100 hingga 200 gram.

Katanya, kewujudan ikan baung merah atau



IKAN baung merah yang mengena tajur dipasang Roslan. - Gambar IHSAN PEMBACA

# BAUNG BESAR ‘SERAH DIRI’


*‘Serigala merah’ masuk umpan tajur dipasang oleh pengawal*

ikan pemangsa itu disedarinya sejak beberapa bulan lalu selepas setiap minggu lebih 10 ikan berkenaan yang bersaiz besar berjaya ditangkap di sungai terbatit.

“Ia mungkin dibela oleh penternak ikan dan diperdaya terlepas masuk da-

lam sungai akibat kejadian banjir yang berlaku di kawasan tertentu sejak belum lama ini.

“Walaupun ia mampu memberi pendapatan sampingan, namun saya bimbang ikan atau udang lain di sungai berkenaan akan pupus,” katanya.



TANGKAP layar, Noraini Adnan menunggang motosikal sambil membawa ikan baung merah yang ditangkap suaminya, Roslan.